



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH
KOMPLEKS PENDIDIKAN, JALAN STADIUM
05604 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-740 4000
Faks : 04-740 4342
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj.Kami: JPK.SKPP.UNP.S.500-3/20/4/Jld.7 (63)
Tarikh : 28 April 2019

Semua Ketua Sektor, Jabatan Pendidikan Kedah
Semua Pegawai Pendidikan Daerah
Semua Pengetua Sekolah Menengah
Semua Guru Besar Sekolah Rendah
Negeri Kedah Darul Aman

Tuan,

PENCALONAN BAGI TUJUAN PENGANUGERAHAN PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG (P.P.C.) TAHUN 2018 DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

Dengan segala hormatnya saya merujuk surat Kementerian Pendidikan Malaysia KPMSM.BPSM.S.500-5/8/3 Jld. (22) bertarikh 17 April 2019 mengenai perkara tersebut di atas dan surat jabatan ini JPK.SKPP.UNP.S.500-3/20/4/ Jld.5 (1) bertarikh 17 September 2018 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan pihak Kementerian telah membuat keputusan untuk membuka semula pencalonan Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) tahun 2018 bagi memberi peluang yang lebih luas kepada pegawai yang memenuhi syarat dicalonkan.
3. Pencalonan PPC juga hendaklah dikemukakan bersama dengan **Borang Penilaian Kegiatan Dan Sumbangan yang lengkap termasuk bukti penglibatan yang telah disahkan**. Kerjasama pihak tuan dimohon untuk mengemukakan pencalonan PPC ini sebelum atau pada **5 Mei 2019 ke Unit Naik Pangkat, Jabatan Pendidikan Kedah. Untuk muat turun borang Penilaian Kegiatan Dan Sumbangan sila layari pautan berikut <http://bit.ly/2PHkjsX> .**
4. Sehubungan dengan itu, pegawai yang memenuhi syarat-syarat seperti yang ditetapkan oleh **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2012** boleh dicalonkan:
 - a) Pegawai tetap yang telah disahkan dalam perkhidmatan;
 - b) Telah genab 5 tahun berkhidmat dalam perkhidmatan awam pada tahun prestasinya dinilai;
 - c) Pegawai perkhidmatan awam **Gred 1 hingga 54** atau setaraf;
 - d) Pencapaian cemerlang dalam prestasi kerja dan aktiviti atau sumbangan diluar tugas rasmi dalam tempoh **tiga (3) tahun terakhir**;
 - e) Lulus **tapisan keselamatan (jenayah dan keselamatan) Polis Diraja Malaysia (PDRM)**;
 - f) Lulus **tapisan keutuhan Suruhanjaya pencegahan rasuah Malaysia (SPRM)**;
 - g) Lulus **tapisan keutuhan Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM)**;
 - h) **Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib**;
 - i) Diperaku oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM);
 - j) Memperolehi **markah prestasi tahunan (LNPT/PBPPP) 85% dan ke atas**;
 - k) Memperolehi markah penilaian aktiviti dan sumbangan di luar tugas rasmi 10 markah dan ke atas bagi borang PPC.

5. Kerjasama pihak tuan juga dimohon memastikan pegawai-pegawai yang dicalonkan PPC tahun 2018 memenuhi kriteria tambahan seperti berikut:

- a) Telah berkhidmat di KPM sekurang-kurangnya dua (2) tahun;
- b) Mempunyai rekod kehadiran yang baik sepanjang tahun pencalonan iaitu kehadiran lewat ke pejabat (tanpa alasan munasabah)/ cuti sakit/ cuti kecemasan tidak melebihi 7 hari pada tahun 2018 untuk setiap kategori (kecuali cuti sakit yang berpanjangan disebabkan penyakit kritikal/ kemalangan/ wabak/ terlantar di hospital untuk satu tempoh masa tertentu tidak melebihi 30 hari pada tahun 2018); dan
- c) Mengikuti latihan sekurang-kurangnya 5 hari untuk tahun 2018.

6. **Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi Encik Fandi Bin Shamsudin di talian 04 7404145, Encik Mohd Sobri Bin Zakaria di talian 04-7404148.**

7. **Segala kerjasama dan perhatian pihak tuan dalam perkara ini adalah sangat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.**

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH”

“PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG”

Saya yang menjalankan amanah,



(SAIDI BIN SHAARI)

Ketua Sektor Khidmat Pengurusan Dan Pembangunan
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Kedah

s.k.

- 1) Semua Penyelia ICT di PPD
Sila masukkan surat ini dalam Portal Rasmi di PPD masing-masing